

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK  
[SEREMBAN]**

**SOALAN:**

**YB Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai terperinci bilangan rumah yang akan dibina semula oleh Kerajaan Persekutuan untuk mangsa-mangsa banjir di Kelantan di setiap kampung yang terjejas, kos setiap rumah yang akan ditanggung oleh Kerajaan dan bilakah ia dapat disiapkan sepenuhnya.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 19 Mac 2015, Kerajaan Persekutuan telah mengenal pasti dan akan membina sebanyak 1,346 buah rumah kekal baru untuk mangsa-mangsa banjir di Kelantan. Sebanyak 572 buah rumah lagi akan dibina oleh Kerajaan Negeri menjadikan keseluruhan jumlah rumah yang akan dibina sebanyak 1,918 buah rumah.

Pecahan bilangan rumah yang akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan mengikut jajahan di negeri Kelantan adalah seperti berikut:

- i. Gua Musang – 185 buah;
- ii. Kuala Krai – 1,028 buah;
- iii. Machang – 12 buah; dan
- iv. Tanah Merah – 121 buah.

Kos pembinaan setiap buah rumah adalah RM48,000 dan kerajaan bertekad untuk menyiapkan rumah berkenaan secepat mungkin.

Sekian. Terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci mengenai perkembangan terkini mengenai pemberian *netbook* 1Malaysia kepada 400,000 guru yang telah dijanjikan serta adakah kesemua guru telah menerimanya.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak meneruskan pemberian *Netbook* 1Malaysia kepada 400,000 guru kerana bilangan yang disediakan tidak mencukupi. Selain itu, KPM juga berpandangan bahawa penggunaan *netbook* ini dapat dioptimumkan sekiranya ditempatkan di makmal komputer sekolah dan dilengkapi dengan perkhidmatan sokongan teknikal juruteknik KPM. Walau bagaimanapun, KPM telah menyediakan perkhidmatan *Netbook* 1Malaysia untuk pinjaman guru jika ada keperluan.

Sebanyak 218,002 unit *Netbook* 1Malaysia kepada 4501 sekolah dan 367 Pusat Kegiatan Guru (PKG) seluruh Malaysia. Selain itu, KPM telah menyediakan sebanyak 42,532 *netbook* di Pusat Kegiatan Guru (PKG) untuk menyediakan perkhidmatan pinjaman kepada semua guru-guru seluruh negara. Sebanyak 126,231 unit dikekalkan sebagai unit gantian agar perkhidmatan makmal dan pinjaman kepada guru-guru dapat beroperasi sepenuhnya tanpa gangguan. Dengan kemudahan unit gantian oleh Pusat Kegiatan Guru (PKG) kepada sekolah, sebarang aduan kerosakan *netbook* ini dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan efisien.